

FPP

June - November 2024

BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

Permingaan Produk

TEBALOI

work-life BALANCE

The Power of PHYSIOTHERAPY

wanita dan MOTOSIKAL

sustainable
SKINCARE

Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date
25 October 2024

BANGKITLAH SEMULA SANG HARIMAU ASIA

Dulu kau pernah bergelar Harimau Asia.
 Begitu juga rakan-rakanmu - Thailand, Filipina dan Indonesia.
 Mengikut jejak si empat naga - Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura.
 Ekonomi negara tumbuh pesat tak terkata.
 8%, 9%, 10% - angka-angka yang pernah menjadi statistik dan data.
 Disegani kawan, dihormati lawan - seluruh dunia.
 Mencipta citra, cerita dan cita ekonomi - mikro dan makro bersama.

Sayang... kau tersungkur di penghujung era.
 Bencana ekonomi 97/98 punya angkara.
 Modal keluar berbilion bukan berjuta.
 Ada yang tertiarap, ada yang mampu bangkit semula.
 Impian dunia pertama terkubur buat sementara.
 Tapi... canggung langkahmu itu tak kekal lama.
 Duit dipagar, modal dikawal, institusi dijaga.


Cuma kau harus lebih pantas meneroka jaya.
 Kerana yang lain-lain pula menunggu masa.
 Vietnam dan Cambodia - itu sekadar di Asia Tenggara.
 Belum dicampur lagi negara-negara lain di benua yang sama.
 Ada yang kaya minyak, ada yang kaya emas, ada yang kaya modal manusia.
 Ditambah pula dengan China ekonomi kedua terbesar dunia.
 Menepis Jepun - rajawali yang pernah terbang tinggi sebelumnya.

Tatkala perang dingin sudah lama hilang dari mata.
 Muncul pula perang dagang China dan Amerika.
 Dunia dwi-polar menjadi semakin nyata.
 BRICS di sini, APEC di sana - dunia yang sama, hanya hemisfera berbeza.
 Kau harus pintar dalam menyusun langkah dan bicara.
 Rambut jangan putus tiba-tiba.
 Tepung jangan selerak sampai tak bersisa.
 Perlu seimbang dalam semuanya.

Ayuh... peluang ini jangan dibiarkan lama.
 Kumpulkan semua para ilmuwan dan cendekia.
 Bahkan para birokrat dan warga kerja.
 Kita bincang, kita rancang, kita laksana.
 Berpaksi amanah pada tadbir urus dan tata kelola.
 Kebijakan polisi - fiskal kerajaan mahu pun monetari bank negara.
 Pelaburan langsung, peluang kerjaya, eksport berganda - sebutkan apa sahaja.
 Kita wajib usaha segala, kita perlu jadi juara.
 Yang dikendong jangan tercacir merata.
 Yang dikejar perlu dapat semuanya.

Ku pohon...
 Ku pohon...
 Ku pohon...

Bangkitlah semula sang Harimau Asia.
 Kali ini lebih garang dan keras ngaumannya.
 Bukan sekadar di Asia, bahkan di seantero dunia.
 Tak hanya tersimpan di tawarikh, tetapi juga di marcapada.
 Biar mereka kembali ingat kita ini siapa.
 Bangkit sekali lagi dan moga kekal untuk selamanya.





eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com